

Penelitian Dini Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan): Fonem Vokal

Nur Faten Shahirah Mohd Razali, Radina Mohamad Deli & Muhammad Zaid Daud

faten_shahirah@yahoo.com, mdradina@unimas.my, zaid_daud93@yahoo.com
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji bidang fonologi khususnya dalam mengenal pasti jenis-jenis fonem vokal yang berlaku dalam dialek Kelantan bagi subdialek Pasir Mas. Subdialek Pasir Mas dipilih sebagai kawasan kajian kerana subdialek ini merupakan salah satu daripada dialek yang sangat terkenal yang dituturkan di Kelantan. Untuk mencapai objektif ini, data dikumpul dengan menggunakan kaedah kualitatif dimana kajian ini telah menggunakan kaedah temu bual dengan menggunakan senarai kata yang disediakan mengikut domain-domain tertentu melalui senarai swadesh yang telah diubah suai dan memfokuskan kepada budaya benda sahaja. Temu bual ini melibatkan dua orang responden yang berlainan jantina dan merupakan penutur jati dialek Kelantan Pasir Mas dimana mereka tidak pernah bermigrasi ke luar negeri. Hasil kajian memperlihatkan bahawa dalam subdialek Pasir Mas, secara keseluruhannya jenis fonem dan jumlah fonem vokal yang wujud ialah 7 sahaja iaitu [a, e, i, o, u, ə, ɔ].

Kata kunci: asas fonologi; fonem vokal; dialek Melayu Kelantan; subdialek Melayu Kelantan

A PRELIMINARY STUDY OF KELANTAN MALAY DIALECT (SUBDIALECT OF PASIR MAS, KELANTAN): VOCAL PHONEMES

ABSTRACT

This study was carried out to study the field of phonology, especially in the vocal phonemes that occurs in the Kelantanese subdialect of Pasir Mas. The subdialect of Pasir Mas was chosen as the location of study because it is one of the most popular dialects in Kelantan. To achieve the research objectives, data was compiled using qualitative methods via interviews and the usage of a word list that included specific domains of the swadesh list which was modified to focus on aspects of material culture. The interview involves 2 respondents of different genders and are native speakers of the Pasir Mas dialect who have never migrated to foreign countries. The findings of this study shows that the subdialect of Pasir Mas has a total of 7 existing vowels [a, e, i, o, u, ə, ɔ] as a whole.

Keywords: *phonological basic; vocal phonemes; Kelantan Malay dialect; subdialect of Pasir Mas*